




LORI tentera memasuki pekan Sungai Lembing.



ABDUL Latif Sulaiman, 57, menggantung barang di tempat tinggi selepas pekan Sungai Lembing dinaiki air.



KEADAAN pekan Sungai Lembing yang dinaiki air.

Sungai Lembing **bah**

■ Siren dibunyi dua kali air naik satu meter ekoran hujan berterusan

Oleh Mohd Fauzi Abdullah
fauzie@mediaprima.com.my
Kuantan

Hujan enam jam sejak malam kelmarin menyebabkan pekan Sungai Lembing, di sini, dinaiki air sedalam kira-kira satu meter menyebabkan paras air sungai berhampiran naik mendadak, semalam.

Pekan kecil di pinggir bandar itu mula dinaiki air kira-kira jam 2.30 petang menyebabkan Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) membunyikan siren sebanyak dua kali

sebagai tanda amaran kepada penduduk supaya mengambil langkah berjaga-jaga.

Tinjauan Harian Metro di sekitar jalan Sungai Lembing mendapati, beberapa kawasan berhampiran turut dinaiki air antaranya di Panching, di sini.

Manakala, tempat dinaiki air adalah di Sekolah Kebangsaan (SK) Panching, namun tiada sesi persekolahan ketika kejadian.

Seorang penduduk, Salamah Mohammad, 63, berkata air mula menaiki kawasan rumahnya kira-kira jam 2.30 petang sebelum siren dibunyikan sebagai amaran kepada penduduk.

"Kami terus menyimpan barang di tempat tinggi bagi mengelakkan ia ditenggelami air. Air mencecah sehingga paras lutut sebelum ia surut secara

perlahan-lahan," katanya ketika ditemui, di sini, semalam.

Dia berkata, mereka sekeluarga tetap bermalam di rumah memandangkan air sudah surut, namun sentiasa berwaspada dan akan berpindah jika diarahkan berbuat demikian.

Tinjauan mendapati hanya sebuah keluarga terjejas akibat kejadian itu dan tiada penduduk di Sungai Lembing dipindahkan ke pusat pemindahan sementara.

Air mula surut secara berperingkat di kawasan berkenaan kira-kira jam 6 petang.

Sementara itu, Jurucakap Bilik Gerakan Ibu Pejabat Polis Kontinjen (IPK) Pahang, ketika dihubungi, di sini, semalam berkata, sehingga jam 8 malam semalam, paras air di Sungai Lembing mencatatkan 26.1 meter (m).

"Paras air di sungai berkenaan menurun berbanding 26.7 m dicatatkan pada sebelumnya," katanya.

Menurutnya, tiada penduduk dipindahkan ke pusat pemindahan sementara dan tiada jalan ditutup berikutan air mula surut sejak jam 6 petang.



KEADAAN pekan Sungai Lembing yang dinaiki air berikutan hujan lebat sejak malam tadi.



TIGA gadis meredah air di pekan Sungai Lembing.



INSYIRAH Watasha Azman, 10, bersama adiknya Muhammad Rayyan Waqhaie, 2, melihat keadaan sekitar rumah mereka yang dinaiki air.